

D546

U B340 AAB

MAHATHIR - AKHBAR

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYUARAKAN KEKHUATIRANNYA ADA KEMUNGKINAN SIKAP DAN PENDIRIAN WARTAWAN DAN AKHBAR TEMPATAN TELAH DAPAT DIUBAH OLEH MEDIA MASSA ASING SECARA TEKANAN MENTAL UNTUK MELAKUKAN KEGIATAN SUBSERSIF TERHADAP NILAI HIDUP DAN KEBUDAYAAN TEMPATAN.

PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO ITU JUGA MENYUARAKAN PANDANGANNYA ADA KEMUNGKINAN AKHBAR-AKHBAR ASING TELAH BERJAYA MEMPERALAT PARTI-PARTI PEMBANGKANG UNTUK MENGHANCURKAN NEGARA INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-37 UMNO DI KOMPLEKS UMNO DI SINI.

MENURUTNYA PADA MULANYA MEDIA MASSA ASING SAHAJA YANG BERUSAHA MELAKUKAN +BRAIN WASH+ TERHADAP NEGARA INI MENGAKIBATKAN SEDIKIT DEMI SEDIKIT NILAI-NILAI RAKYAT BERUBAH.

KINI, KATANYA, ADA WARTAWAN DAN AKHBAR NEGARA INI SENDIRI YANG MENJADI MANGSA KEGIATAN +BRAIN WASH+ MEDIA MASSA ASING. -- LAGI.
1442MST 18 09 86

D548

U B341 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR

+TIDAK PERLU LAGI AKHBAR ASING +SUBVERT+ NILAI HIDUP DAN KEBUDAYAAN KITA. KITA SENDIRI SUDAH MENGAMBIL ALIH PERANAN +BRAIN WASHING+ INI.+

MENGENAI +HUBUNGAN+ MEDIA MASSA ASING DENGAN PARTI PEMBANGKANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI NEGARA-NEGARA LAIN +RACIALISTS, RACISTS DAN CHAUVINISTS+ DIKECAM HEBAT OLEH AKHBAR-AKHBAR LUAR NEGERI.

TETAPI DI MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI, AKHBAR-AKHBAR YANG SAMA MENYOKONG PARTI RACIALISTS DAN RACISTS SEPerti DAP DAN PAS.

BELIAU SETERUSNYA MELAHIRKAN KEHAIRANANNYA MENGAPA PERKARA ITU BERLAKU DAN INGIN TAHU SAMA ADA WUJUD HUBUNGAN ANTARA PAS DAN DAP DENGAN AKHBAR-AKHBAR ASING BERKENAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERTANYA ADA KEMUNGKINAN DAP DAN PAS DIANGGAP SEBAGAI ALAT UNTUK MENGHANCURKAN NEGARA -- SATU-SATUNYA NEGARA YANG ORANG ISLAM BERKUASA DAN DEMOKRATIK SERTA STABIL. -- LAGI
1447MST 18 09 86

0549

U B342 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU SETERUSNYA MENGECEM MEDIA MASSA ASING YANG BEGITU AKTIF MENCUBA MELEMAHKAN KEKUATAN EKONOMI DAN PERPADUAN RAKYAT NEGARA INI.

DALAM BIDANG EKONOMI, KATANYA, AKHBAR-AKHBAR ASING YANG DIMILIKI OLEH ZIONIST DIDAPATI MEMBANTU PARTI-PARTI PERKAUMAN BUKAN MELAYU UNTUK MENYEBARKAN KENYATAAN-KENYATAAN DI LUAR NEGERI YANG MENDAKWA KERAJAAN MALAYSIA TIDAK KUKUH, TIDAK DISOKONG RAKYAT, KERAJAAN KORAP DAN AKAN TUMBANG BILA-BILA MASA.

AKIBATNYA PARA PELABUR ASING KURANG PERCAYA TERHADAP KESTABILAN NEGARA INI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT BAGAIMANA ORANG-ORANG TEMPATAN MENGGUNAKAN NAMA AKHBAR DAN MAJALAH ASING UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN NAMA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA TERMASUK BELIAU SENDIRI.

PENYEBAR-PENYEBAR KHABAR ANGIN PADA SUATU KETIKA MENDAKWA KONONNYA MAJALAH FORTUNE TELAH MENERBITKAN RENCANA BAHAWA PERDANA MENTERI MALAYSIA ADALAH SEORANG PERDANA MENTERI YANG TERKAYA DALAM DUNIA. -- LAGI

1449MST 18 09 86

550

U B343 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 4 KUALA LUMPUR

KATANYA APABILA TIDAK SESIAPA PUN BOLEH MENGESAHKAN TELAH MEMBACA RENCANA ITU, BERBAGAI-BAGAI HELAH KEMUDIAN DIBUAT KONONNYA KELUARAN YANG BERKENAAN DISEKAT DARIPADA DIJUAL DI MALAYSIA, ATAU SEBALIKNYA BUKAN FORTUNE TETAPI BUSSINESS WEEK ATAU FORBES MAGAZINE YANG MENYIARKAN BERITA INI.

WALAUPUN DIBUKTIKAN SEMUA BERITA INI TIDAK BENAR TETAPI FITNAH-FITNAH ITU TERUS DISEBARKAN JUGA SEHINGGALAH SEKARANG, KATANYA. -- BERNAMA

1450MST 18 09 86